

21/07/1997

Pemimpin perlu masa laksana dasar

Manja Ismail in Okayama City (Jepun)

OKAYAMA CITY (Jepun), Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpendapat, seseorang pemimpin itu perlu diberi masa bagi membolehkannya melaksanakan rancangan untuk kepentingan rakyat atau organisasi pimpinannya.

Menurut Perdana Menteri, jika terlalu kerap berlaku perubahan pucuk pimpinan, termasuk di bidang politik, bukan sahaja pemimpin terbabit gagal melaksanakan programnya malah tidak berpeluang langsung berbuat demikian.

Sambil memberikan contoh Itali yang hampir saban tahun bertukar pucuk pimpinan, beliau berkata tidak ada sebarang hasil daripada kepemimpinan mereka.

"Bagaimanapun memegang jawatan bermakna kita mesti bekerja kuat, melakukan apa yang difikirkan baik untuk bangsa dan negara atau organisasi yang dipimpin.

"Ketika sebuah negara seperti Malaysia memerlukan pemimpin yang bertahan lama, sudah tentu saya mahu berurusan dengan pemimpin negara lain untuk seberapa lama mungkin.

"Ini memberikan kami lebih banyak peluang untuk mendapatkan hasil mengadakan hubungan dengan mereka," katanya pada dialog dengan Gabenor Okayama, Masahiro Ishii dan Pengerusi Okayama Keizai Doyukai merangkap Presiden Sanyo Shimbun, Katsumi Sasaki, di sini petang ini.

Dua pemimpin Okayama itu meminta pandangan Dr Mahathir mengenai 16 tahun sebagai Perdana Menteri yang sepanjang tempoh itu, menyaksikan Jepun bertukar sembilan pucuk pimpinan politik.

Merujuk kepada kejayaannya membawa Malaysia sebagai kuasa baru ekonomi rantau ini, Perdana Menteri menjelaskan sebagai pemimpin, seseorang itu perlu memahami masalah negaranya sebelum mengatasi masalah itu.

Dalam hubungan ini, latar belakang beliau sebagai doktor perubatan dan pengalaman enam tahun sebagai Timbalan Perdana Menteri banyak membantu.

"Bagaimanapun, saya mengakui agak kurang berjaya pada tahun-tahun awal sebagai Perdana Menteri walaupun saya mempunyai banyak idea dan pendekatan baru. Ia kerana sesuatu perubahan itu memerlukan masa untuk membuahkan hasil," katanya.

Dr Mahathir turut mengulangi hasrat Malaysia untuk meneruskan Dasar Pandang ke Timur kerana ia bukan saja menguntungkan negara, malah Jepun terus kekal sebagai sebuah negara yang berjaya.

Dalam dialog hampir sejam itu, Perdana Menteri turut menjelaskan peranan wanita di Malaysia khususnya Umno, langkah kerajaan memperkenalkan Koridor Raya Multimedia, Putrajaya, dan hasrat negara untuk mengeratkan hubungan peringkat wilayah di Jepun.

Dr Mahathir, yang dalam lawatan kerja empat hari ke sini sebelum menghabiskan cuti dua bulannya pagi ini bersama Dr Siti Hasmah Mohd Ali, melawat Taman Korakuen Okayama, salah sebuah destinasi pelancongan terkenal di wilayah ini.

Taman tradisional Jepun itu mula dibina pada 1686 di Zaman Jokyo atas perintah Lord Okeda Tsunamasa kepada Tsuda Nagatada, dan disiap dalam tempoh 14 tahun di Zaman Genroku.

(END)